

02 NOV 2002

Mahathir-Jawatan

DR MAHATHIR TETAP LEPASKAN JAWATAN

PULAU PINANG, 2 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menegaskan bahawa beliau tetap dengan pendiriannya untuk meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata apabila beliau telah membuat keputusan untuk meletakkan jawatan dan tidak bertanding, maka beliau tidak akan berdolak-dalik dengan keputusan itu.

"Saya tidak boleh berdolak-dalik. Apabila saya mengambil sesuatu keputusan itu, itu sajalah yang saya akan buat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) peringkat negeri di Kompleks Sukan Balik Pulau di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas usul Umno Bahagian Pasir Mas, Kelantan baru-baru ini yang menolak hasratnya untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang dan memujuk beliau untuk mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu.

Dr Mahathir berkata sekiranya beliau menukar keputusannya itu dan menerima gesaan pelbagai pihak supaya tidak meletakkan jawatan dan bertanding semula pada pilihan raya akan datang, beliau akan dicop sebagai bermain politik.

"Saya sudah buat keputusan untuk meletak jawatan dan oleh itu saya tidak akan bertandinglah," katanya.

Mengenai isu semakan semula perjanjian harga air ke Singapura, Perdana Menteri berkata Malaysia bukanlah pihak yang "terhegeh-hegeh" memulakan perkara itu dahulu, sebaliknya Singapura yang minta rundingan diadakan.

Beliau mengulangi bahawa Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang datang menemuinya untuk merundingkan mengenai kenaikan harga air dan mencadangkan supaya harga jualan air ditetapkan pada kadar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen.

"Lee kata kepada saya Johor jual air kepada Melaka dengan harga 30 sen bagi setiap 1,000 gelen, jadi Singapura yang bukan berada di dalam Malaysia dan sebuah negara asing patut dikenakan harga lebih daripada itu iaitu 45 sen," katanya.

Beliau berkata beliau menetapkan harga air itu pada kadar 60 sen setiap 1,000 gelen dan Singapura tidak bersetuju dengan harga itu.

-- BERNAMA

SA ZU RON